



BAS perantara dengan bayaran RM1 bagi kemudahan pengguna MRT.

Penantian

20 tahun

■ Penduduk dapat khidmat bas perantara MRT

Kuala Lumpur

Penantian perkhidmatan bas awam selama 20 tahun oleh penduduk Bukit Rahman Putra dan Kampung Melayu Sungai Buloh, dekat sini, bakal berakhir esok.

Ini berikutan kawasan itu akan menerima perkhidmatan bas pengantara Transit Aliran Massa (MRT) oleh Rapid KL, serentak dengan bermulanya perkhidmatan MRT dari stesen Sungai Buloh ke Semantan, Jumaat ini.

Tinjauan di sekitar kawasan Bukit Rahman Putra, Kampung Melayu Sungai Buloh dan Bandar Baru Sungai Buloh mendapati rata-rata penduduk lega kerana dapat menjimatkan masa dan perbelanjaan harian dengan adanya bas pengantara itu.

Peniaga surat khabar, S Shanti, 45, berkata walaupun di Bukit Rahman Putra tersedia hentian bas, ia tidak berfungsi kerana sudah lebih 20 tahun tiada perkhidmatan bas awam yang melalui kawasan itu.

“Dulu ada bas mini yang lalu di sini, tapi itu sudah 20 tahun dulu, Penduduk di sini menggunakan hentian bas itu untuk berteduh sambil menunggu teksi.

“Sebelum ini saya berulang-alik dengan teksi dari rumah ke Hospital Sungai Buloh dengan tambang RM35. Namun dengan adanya bas pengantara, tam-

bangnya hanya RM1 dan ini sangat menjimatkan,” katanya yang menyambung perniagaan 40 tahun keluarganya menjual surat khabar di situ.

Pekerja am Fahmi Azhar Abdul Aziz, 41, pula berkata sebelum ini memang tiada perkhidmatan bas yang melalui kawasan tersebut dan penduduk perlu berjalan jauh ke jalan utama bagi mendapatkan bas dan teksi.

“Alhamdulillah, perkhidmatan bas pengantara MRT memudahkan, malah mengekalkan harga yang berpatutan iaitu RM1 sahaja,” katanya.

Sementara itu, tinjauan di Hospital Sungai Buloh mendapati perkhidmatan bas pengantara MRT membawa khabar gembira kepada kebanyakan pesakit, kakitangan hospital dan penduduk sekitarnya.

Pelajar Perubatan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Sungai Buloh, Muhammad Amirul Afnan Mat Rani, 19, berkata, dengan adanya kemudahan bas pengantara itu, beliau tidak perlu lagi berbelanja sehingga RM10 untuk berulang alik dari kampusnya ke hospital.

Pesara jururawat Nancy Lim, 70, berkata, setiap hospital harus mempunyai

kemudahan bas awam seperti bas pengantara MRT itu kerana kebanyakan daripada pesakit dan kakitangannya golongan berpendapatan rendah.

“Mereka ke hospital kerajaan kerana yuran perubatan murah dan pada masa sama mengharapkan kemudahan bas percuma ataupun tambang murah.

“Bas pengantara MRT ini sangat diperlukan terutamanya ketika waktu puncak bagi mengurangkan kesesakan

lalu lintas dan mengatasi masalah kekurangan tempat letak kereta di hospital,” katanya.

Menurut pemaju dan pemilik projek MRT, MRT Corp, bagi laluan Stesen MRT Sungai Buloh, sebanyak tiga laluan iaitu Bukit Rahman Putra, Hospital Sungai Buloh dan Bandar Baru Sungai Buloh membabitkan 12 bas disediakan dengan kekerapan 10 hingga 15 minit.

Sebanyak 112 bas pengantara beroperasi di semua 12 stesen laluan 1 fasa pertama perkhidmatan MRT itu.

Fasa pertama MRT Laluan Sungai Buloh-Kajang bakal dilancarkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak di Stesen Kwasa Damansara, hari ini. - BER-NAMA

